

23 APR 2002

Korea-dasar/I

KOREA LIHAT KE MALAYSIA DALAM DASAR PANDANG KE SELATANNYA

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Korea Selatan yang mendapat dorongan daripada kejayaan Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakan oleh Malaysia, sedang menggubal satu dasar serupa -- Dasar Pandang Ke Selatan -- untuk menimba perkara-perkara positif daripada contoh Malaysia itu.

Duta Korea Selatan ke Malaysia, Rhee Young-Min, memberitahu Bernama di sini hari ini Dasar Pandang Ke Selatan dijangka menggalakkan lagi pemindahan nilai dan pengalaman yang dapat diamalkan antara negaranya dan Malaysia serta juga Jepun.

Beliau mencadangkan supaya Dasar Pandang Ke Timur, yang menurutnya telah mendatangkan hasil yang diinginkan serta mempercepatkan pembangunan Malaysia sejak ia dilaksanakan 20 tahun lepas, menggunakan pendekatan dua hala daripada pendekatan sehala.

"Saya berpendapat hubungan antara ketiga-tiga negara ini harus mempunyai asas timbal balik. Bukan saja anda boleh belajar dari Jepun dan Korea tetapi rakyat dari dua negara itu juga boleh belajar dari Malaysia," katanya ketika ditemui pada persidangan antarabangsa mengenai Dasar Pandang Ke Timur : Cabaran dan Sumbangan, yang diadakan sebagai sebahagian sambutan 20 tahun pelaksanaan Dasar Pandang Ke timur.

Dasar Pandang Ke Timur yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1982 sebaik saja beliau menjadi Perana Menteri, menggalakkan rakyat Malaysia supaya mencontohi etika kerja, moral, nilai dan kualiti serta kemahiran pengurusan timur yang terpuji.

Dasar itu yang bertujuan mempelajari rahsia kejayaan ekonomi Jepun dan Korea Selatan, telah mengukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan kedua-dua negara itu.

Rhee berkata kejayaan Malaysia mengatasi kemelesetan ekonomi pada 1997 dan cabaran-cabaran yang dihadapinya, adalah satu pencapaian yang boleh dicontohi oleh Korea dan Jepun.

Katanya Malaysia menjadi kuat di bawah pengaruh negara-negara Barat sejak abad ke-16.

"Walaupun anda (Malaysia) di Timur, anda bukanlah orang Timur sangat, kerana anda juga mempunyai rakyat yang berfikiran secara Barat. Jadi, kita boleh berkongsi ilmu dan pengurusan cara sedemikian," katanya.

Rhee berharap pegawai-pegawai dan wakil sektor swasta Korea Selatan melawat Malaysia dan bertukar-tukar pengalaman dengan rakan sejawatan mereka di sini.

Beliau juga berkata Dasar Pandang Ke Timur perlu diteruskan.

Ketika bercucap pada satu sesi mengenai Dasar Pandang Ke Timur : Prospek Dalam Abad Ke-21, Rhee berkata dengan mengambil kira persekitaran yang berubah melibatkan Korea Selatan dan Malaysia, matlamat dan peranan Dasar Pandang Ke Timur perlu difikirkan semula.

"Suasana sosio-ekonomi yang begitu cepat bertukar pada masa ini, memerlukan perubahan dalam nilai dan peranan Dasar Pandang Ke Timur," katanya.

Duta itu berkata dasar berkenaan harus diperkukuhkan dengan memberi lebih tumpuan untuk melahirkan pekerja berilmu dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga kerja berinovatif dan berpendidikan dalam industri yang berasaskan ilmu.

Rhee berkata Dasar Pandang Ke Timur harus menjadi pemangkin kepada kerjasama serantau yang menyeluruh khusus di bidang pembangunan dan teknikal bagi mengurangkan lagi jurang antara negara-negara Asia Timur.

-- BERNAMA

HS ZS MAI